

Langkah galak sejuta pelajar baharu melabur, tambah simpanan

Dana RM50 juta untuk mahasiswa

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athirism3il@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Satu juta mahasiswa baharu institusi pengajian tinggi awam (IPTA) diberikan dana asas pelaburan menerusi program Celik Madani: Celik Kewangan Belia Madani sebanyak RM50 seorang bagi menggalakkan golongan belia melabur.

Dana asas sebanyak RM50 juta sebahagiannya disuntik oleh kerajaan dan baki ditaja oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) serta syarikat-syarikat berkaitan dengan menyasarkan seramai 200,000 mahasiswa setahun.

Berdasarkan mekanisme tersebut, RM50 dikreditkan ke dalam akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB) atau

Amanah Saham Malaysia (ASM) dan nilai itu dikunci bagi tempoh lima tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, angka itu praktikal bagi memastikan golongan belia mula melabur selain menggalakkan mahasiswa atau ibu bapa menambah simpanan.

Bersambung di muka 2